



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Rakyat DYMM Sultan Perak** dan **Warganegara Malaysia** yang berkeelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA5**
(Kekosongan Jawatan : 1)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 1,650.00– Maksimum RM 6,620.00
- (f) Syarat Lantikan :
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) **Warganegara Malaysia**
 - (b) Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan dan ;
 - (c) (i) **Sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau
 - (ii) **Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02);
- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :
 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEUTAMAAN adalah kepada calon yang memiliki pengalaman atau pengetahuan di dalam bidang **PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH** sahaja.

(h) Penetapan Gaji Permulaan : 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

(i) Latihan : 5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

(j) Taraf Jawatan : TETAP

(k) Cara memohon:

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/perjawatan/>
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan dalam borang akan ditolak.
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:-

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59,
35900 TANJONG MALIM

TARIKH IKLAN : 3 JUN 2026
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 JUN 2026

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.